



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN**

---

**NAMA KURSUS : BAHASA KEBANGSAN A**  
**KOD KURSUS : MPU2213**  
**PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (30 Markah)  
BAHAGIAN C (50 Markah)
2. Calon dibenarkan merujuk kepada sumber seperti nota kuliah, buku internet atau mana-mana sumber yang berkaitan.
3. Jawab **semua** soalan dari Bahagian A serta B dan **satu** soalan dari Bahagian C pada kertas bersaiz A4 atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkenaan.
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri pada setiap helaian kertas jawapan.
  - i. Nama Penuh Pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 8 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **dua puluh(20)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada kertas jawapan.

1. Penggunaan bahasa Melayu dalam undang-undang dan kehakiman memenuhi fungsi bahasa Melayu sebagai
  - A bahasa perhubungan.
  - B bahasa kebangsaan.
  - C bahasa perpaduan.
  - D bahasa rasmi.
  
2. Yang berikut adalah masalah-masalah yang dihadapi dalam mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan **kecuali**
  - A persaingan dengan dialek-dialek tempatan.
  - B banyaknya kekeliruan yang timbul akibat pengaruh bahasa asing.
  - C persaingan dengan bahasa Inggeris khususnya pelaksanaan dalam bidang-bidang profesional.
  - D sikap acuh tidak acuh pengguna bahasa Melayu dalam membudayakan bahasa Melayu.

**Soalan 3** adalah berdasarkan kepada pernyataan yang berikut.

“Bahasa Kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang oleh parlimen”.

**Pernyataan 1**

3. Petikan dalam **pernyataan 1** di atas terkandung dalam
  - A Penyata Razak 1956.
  - B Akta Bahasa Kebangsaan 1963.
  - C Akta Bahasa Kebangsaan 1967.
  - D Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

4. Konsep bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi menurut Perlembagaan Persekutuan merujuk kepada penggunaan bahasa Melayu oleh
- i sektor swasta.
  - ii kerajaan negeri.
  - iii universiti swasta.
  - iv kerajaan persekutuan.
- A** i dan ii  
**B** i dan iv  
**C** ii dan iv  
**D** iii dan iv
5. Sebagai bahasa kebangsaan bahasa Melayu menjadi bahasa
- i rasmi negara.
  - ii media massa.
  - iii perhubungan.
  - iv pengantar pendidikan.
- A** i dan ii  
**B** i dan iv  
**C** ii dan iv  
**D** iii dan iv
6. Bahasa baku ditakrifkan sebagai bahasa yang
- A** menjadi bahasa rasmi.
  - B** seragam bentuk dan penggunaannya.
  - C** melalui proses perancangan secara sistematik.
  - D** digunakan sebagai bahasa pengantar pendidikan.
7. Antara ayat perintah yang berikut ini, yang manakah mempunyai unsur penegasan?
- A** Janganlah bunuh ular itu.
  - B** Ditegah berludah di dalam bas.
  - C** Awak siapkan kerja ini sekarang juga.
  - D** Berdermalah kepada mangsa-mangsa kebakaran itu.

**Soalan 8** adalah berdasarkan Pernyataan 2 di bawah.

Bilakah penderitaan masyarakat Palestin akan berakhir?

**Pernyataan 2**

8. Ayat tanya dalam **pernyataan 2** di atas ialah jenis
- A ayat tanya terbuka.
  - B ayat tanya tertutup.
  - C ayat tanya susunan biasa.
  - D ayat tanya dengan frasa sendi nama tanya.

**Soalan 9** berdasarkan **Jadual 1** yang berikut.

I	KVK+KVVK
II	KKVK+KV+KVK

**Jadual 1**

9. Yang manakah susunan suku katanya menepati pola I dan II.

	POLA I	POLA II
<b>A</b>	Syarikat	Spektrum
<b>B</b>	Mubaligh	Kritikal
<b>C</b>	Khutbah	Kontraktor
<b>D</b>	Manfaat	Praktikal

10. Yang manakah ayat yang menggunakan tanda baca dengan **betul**?

- A Wah, cantiknya bunga itu!
- B mengapa dia menangis? Saya tidak tahu.
- C Kejadian itu berlaku sekitar tahun 1960an.
- D Bapanya berkata, "Tolong ambilkan buku itu,"

11. Yang manakah pernyataan yang **benar** tentang morfologi?

- i. Bidang yang mengkaji pembentukan kata.
  - ii. Bidang yang mengkaji bunyi dan makna kata.
  - iii. Bidang yang mengkaji fonem, morfem dan kata.
  - iv. Bidang yang mengkaji bentuk, struktur dan golongan kata.
- A i dan ii
  - B i dan iv
  - C ii dan iii
  - D iii dan iv

12. Kata “beta” ialah kata ganti nama
- A tanya.
  - B orang kedua.
  - C orang ketiga.
  - D orang pertama.
13. Perkataan “berjuta-juta” ialah kata bilangan
- A tentu.
  - B pecahan.
  - C tak tentu.
  - D himpunan.
14. Terdapat berapa polakah ayat dasar dalam bahasa Melayu?
- A Dua pola.
  - B Tiga pola.
  - C Empat pola.
  - D Lapan pola.
15. Ibunya beransur sembuh. Perkataan bergaris merupakan
- A kata kerja transitif aktif.
  - B kata kerja transitif pasif.
  - C kata kerja tak transitif berpelengkap.
  - D kata kerja tak transitif tanpa pelengkap.

**Soalan 16** adalah berdasarkan **Ayat 1** di bawah.

Mahasiswa harus sedar bahawa perjuangan mereka masih belum selesai.
---

**Ayat 1**

16. Perkataan **bahawa** dalam *ayat 1* di atas merujuk
- A kata hubung gabungan.
  - B kata hubung pancangan relatif.
  - C kata hubung pancangan keterangan.
  - D kata hubung pancangan komplemen.

17. Pilih ayat yang **betul**.

- A Wanita itu kasihkan ibunya di kampung.
- B Nenek merindukan akan cucunya di bandar.
- C Kami amat bencikan akan sikapnya yang bongkak.
- D Perasaan sayang akan negara dapat dipupuk melalui aktiviti lawatan.

18. Perkataan ialah dan adalah merupakan kata

- A nafi.
- B pemerl.
- C hubung.
- D pangkal ayat.

19. Pilih ayat yang menggunakan kata hubung gabungan berurutan.

- A Dia tidak hadir ke sekolah kerana dia demam.
- B Ali, Abu, Manjeet dan Ah Seong membaca buku di perpustakaan.
- C Mak Limah menyapu sampah di beranda manakala Pak Mat pergi ke pasar.
- D Pengetua menyatakan bahawa sekolah akan mula bercuti pada minggu hadapan.

20. Yang manakah ayat aktif transitif?

- A Pengurus sedang meneliti kertas kerja itu.
- B Budak perempuan itu menangis teresak-esak.
- C Pokok mempelam itu membesar dengan cepat.
- D Keadaan bapa mentuanya yang sakit tenat itu beransur sembuh.

**[20 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **SATU** soalan karangan bergambar.

Tulis sebuah karangan berdasarkan gambar di bawah. Panjang karangan anda tidak lebih daripada 200 patah perkataan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.



[30 MARKAH]

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **dua (2)** soalan berbentuk esei.

Jawab **satu** soalan sahaja. Panjang esei anda adalah tidak kurang daripada 300 patah perkataan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

1. Kelab Pidato Kolej Bunga Raya akan mengadakan pertandingan pidato antara kelas. Sebagai setiausaha anda dikehendaki menyediakan kertas cadangan yang lengkap bagi melaksanakan program berkenaan. Kertas kerja anda hendaklah mengandungi tujuan program diadakan, objektif program, rasional program, kumpulan sasaran, tempoh pelaksanaan, anjuran, jawatankuasa program, atur cara program, implikasi kewangan dan penutup. Sediakan kertas kerja tersebut selengkapnya.
2. Anda merupakan seorang penulis amatir. Anda ingin menulis sebuah rencana untuk dimuatkan di dalam halaman rencana penulis di salah sebuah akhbar tempatan. Tulis rencana anda yang bertajuk "Banyak Membaca, Bertambah Pengetahuan". Rencana anda mestilah pendapat anda sendiri yang tidak pernah dibincangkan atau tersiar dalam mana-mana media sosial atau surat khabar.

**[50 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**